

JABATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR



**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2010
BAHASA MELAYU
Kertas 1
Ogos**

1103/1

2 ¼ jam

Dua jam lima belas minit


JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.
2. Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
4. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

Bahagian A**[30 markah]****[Masa dicadangkan: 45 minit]**

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang **kepentingan mengamalkan perpaduan kaum di Malaysia**. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

**Mewujudkan masyarakat harmoni****Menarik kedatangan pelancong****Memajukan ekonomi negara****Meningkatkan keamanan negara**

Bahagian B**[100 markah]****[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]**

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Dewasa ini, masalah disiplin pelajar semakin serius dan boleh menjelaskan pencapaian akademik dan kurikulum. Sebagai pelajar anda berminat untuk menulis sebuah eseai untuk dimuatkan dalam majalah sekolah. Tajuk eseai anda ialah "Disiplin Asas Kejayaan."

Tulis eseai itu selengkapnya.

- 2 Pada masa ini, masyarakat Malaysia kurang menitikberatkan amalan membaca sedangkan membaca memberikan banyak faedah.

Huraikan peranan yang perlu dilakukan oleh pelbagai pihak untuk memupuk tabiat suka membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia.

- 3 Kegiatan lumba haram dalam kalangan remaja telah menjadi tajuk utama akhbar-akhbar tempatan di negara ini. Masalah ini semakin berluasa dan membimbangkan pelbagai pihak.

Jelaskan usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh masyarakat untuk mengelakkan remaja daripada terlibat dalam perlumbaan haram.

- 4 Penularan penyakit berbahaya seperti H1N1, Demam Denggi dan AIDS telah mendatangkan kesan negatif kepada kehidupan manusia sejagat.

Bincangkan tindakan yang perlu dilakukan oleh negara-negara terlibat untuk menangani penularan penyakit-penyakit berbahaya.

- 5 Peribahasa "Genggam bara api biar sampai jadi arang" bermaksud apabila seseorang itu melakukan sesuatu pekerjaan yang sukar, dia perlu melakukannya dengan kegigihan dan kesabaran sehingga mencapai matlamatnya.

Berdasarkan peribahasa tersebut, tulis sebuah cerpen yang menggambarkan kesungguhan seseorang dalam mencapai cita-cita.

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT

JABATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR



**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2010
BAHASA MELAYU
Kertas 2
Ogos**

1103/2

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi soalan 2 (b), soalan 2 (c), soalan 2 (d) dan soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusastraan Melayu Tingkatan 4 dan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah

Soalan 1: Rumusan
[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang cara-cara ibu bapa berkomunikasi dengan anak-anak remaja dan kepentingan komunikasi yang berkesan kepada anak-anak remaja. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Mengurus anak-anak bukanlah sesuatu yang mudah kerana jika anak tidak diasuh dengan sempurna, padahnya sangat berat, terutamanya remaja. Pada tahap ini biasanya kerentan mereka sukar difahami. Hal ini disebabkan mereka terlalu berahsia dengan ibu bapa apabila menghadapi masalah. Mereka suka memendam rasa dan lebih selesa mencurahkan isi hati kepada rakan-rakan sebaya. Walaupun hal ini tidaklah menjadi kesalahan, tetapi sekiranya rakan-rakannya itu adalah daripada kalangan mereka yang mempunyai peribadi buruk, dikhawatir akan merosakkan pembentukan peribadi unggul anak-anak tersebut.

Bagi menjamin keperibadian yang unggul dalam kalangan anak-anak remaja, sewajarnyalah ibu bapa berperanan sebagai sahabat kepada anak-anak. Pelbagai cara boleh dilakukan untuk membolehkan ibu bapa menjadi kawan kepada anak-anak. Ibu bapa hendaklah sentiasa memerhatikan perilaku dan gerak geri harian mereka dengan mengambil masa yang sesuai untuk bertanyakan masalah mereka dan membantu anak-anak menyelesaiannya. Apabila masalah dan perasaan anak dapat diselami, mudahlah ibu bapa mendampingi mereka. Ibu bapa juga janganlah terlalu cerewet dalam mendidik anak-anak remaja seperti suka mendesak untuk mencungkil hal-hal peribadi mereka. Anak-anak remaja juga akan berasa terkongkong jika mereka terlalu diawasi. Hal ini menyebabkan mereka akan berasa tidak dipercayai, sekali gus akan membentuk perasaan rendah diri sehingga boleh mengakibatkan anak-anak remaja mudah hilang pertimbangan apabila berada di luar pemerhatian ibu bapa mereka. Sebagai pengasuh anak-anak juga, ibu bapa perlulah sentiasa meningkatkan pengetahuan tentang kemodenan dunia dengan mendalamai maklumat terkini yang bersesuaian supaya ibu bapa mempunyai minda yang terbuka.

Selain itu, ibu bapa perlulah prihatin dengan pendapat yang disuarakan oleh anak-anak remaja, bukannya sekadar memandang remeh atau tidak diendahkan. Berilah peluang kepada anak-anak untuk menyuarakan rasa hatinya dengan kerelaan tanpa unsur paksaan. Anak-anak remaja senang didampingi seandainya ibu bapa pandai mengambil hati mereka. Umpamanya ibu bapa mengajak anak-anak remaja merundingkan sesuatu hal berkaitan dengan keluarga. Cara begini dapat menimbulkan perasaan tanggungjawab kepada keluarga. Ibu bapa juga perlu menghormati minat atau hobi anak-anak remaja. Galakan bolehlah diberikan seperti ibu bapa menyertai hobi mereka. Pada masa bersama-sama seperti ini, ibu bapa dapat memenangi hati mereka sambil memberikan nasihat.

Di samping itu, ibu bapa perlu memperuntukkan masa secukupnya untuk melayan anak-anak remaja mereka. Misalnya, pada waktu lapang, ajaklah anak-anak berkumpul dan sama-sama bertukar-tukar fikiran serta beramah mesra dengan mereka. Ibu bapa juga hendaklah memahami emosi anak-anak remaja yang kompleks dengan menyesuaikan diri supaya dapat mewujudkan hubungan mesra dengan anak-anak kerana mereka adalah sebahagian daripada penentu kebahagiaan sesebuah keluarga.

(Dipetik dan diubah suai daripada
'Bersahabat dengan anak remaja', oleh Izani Hj. Daud, Kota Bharu.
Pendidik, Bil 22-2006)

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 2 : Pemahaman
[35 markah]

Soalan 2(a) Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1 di atas, jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *merosakkan pembentukan peribadi unggul*.
[2 markah]
- (ii) Apakah kesan-kesan yang akan dihadapi oleh anak-anak remaja jika mereka berasa terkongkong dengan sikap ibu bapa mereka?
[3 markah]
- (iii) Konsep Rumahku Syurgaku bermaksud tempat tinggal yang selesa dan keluarga yang bahagia.

Sebagai seorang anak, jelaskan peranan anda dalam usaha mewujudkan konsep Rumahku Syurgaku?

[4 markah]

Soalan 2 (b) – Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Daneng tak ingin menyambung pelajaran?” Terlontar soalan itu daripada mulut Jo. “Tidak!” jawabnya setelah membisu seketika.

“Mengapa?”

“Saya tak ingin meninggalkan tempat ini,” jawabnya terputus-putus.

“Bukankah merugikan?”

“Kamu salah seorang pelajar yang mendapat keputusan baik dalam peperiksaan PMR di sekolah asrama pada tahun lepas. Bukankah merugikan jika tidak menyambung pelajaranmu?”

Daneng tersenyum sinis. “Sudah saya dengar hujah ini berpuluhan kali. Saya sudah bosan. Cikgu tak faham perasaan saya. Sebenarnya cikgu tak kenal Daneng.”

“Cikgu faham. Tetapi keputusan kamu mungkin bukan yang sebaik-baiknya. Kamu perlu melihat dari semua segi.”

“Perkara terbaik untuk saya ialah berada di sini. Di tempat ini, neneh moyang saya hidup dan bersemadi. Jiwa saya terikat pada pohon tulang. Pada bukit-bukit ini. Pada pohon-pohon ini. Menghidu keenakan udara jati tempat ini, satu kemestian. Memanjat pokok, mendaki gunung, menuruni lurah, memetik buah-buahan hutan, memancing ikan, berjalan berkaki ayam. Inilah kehidupan bagi saya. Saya mendambakan kehidupan di hutan ini. Inilah Daneng, cikgu,” hujahnya.

Jo agak kagum dengan kepetahan tingkah ucapan anak didiknya itu. “Saya faham perasaanmu itu,” ucap Jo sambil memiciti bahu kiri Daneng.

(Dipetik daripada 'Lambaian Malar Hijau', oleh
 Saroja Theavy a/p Balakrisnan dalam
 antologi *Anak Laut*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- (i) Mengapakah Daneng membuat keputusan tidak mahu menyambung pelajaran?
[3 markah]
- (ii) Andaikan anda Cikgu Jo, apakah tindakan anda untuk memujuk Daneng agar menyambung pelajarannya?
[3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** latar masyarakat berdasarkan petikan dan **dua** latar masyarakat daripada keseluruhan cerpen.
[3 markah]

Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka diambilnya bayan tua seekor yang tinggal itu hendak disembelihnya. Maka kata bayan itu, "Hai budak, jika engkau bunuh aku, tiadalah akan kenyang engkau makan dagingku yang sekepal ini, melainkan engkau jualkanlah aku ini dengan harga dua ribu dinar boleh engkau makan sampai anak cucumu! Bawalah aku ini kepada raja di dalam negeri ini. Kudengar ada penyakit sopak pada kaki raja itu dan tangannya. Aku tahu ilmu tabib. Akulah mengubati dia."

Setelah didengar oleh budak itu, maka dibawanya bayan itu kepada raja itu. Apabila tiba ia kepada seorang penunggu pintu raja, maka kata budak itu, "Hai penunggu pintu, tuan hamba persembahkanlah kepada raja bahawa adalah hamba berjual seekor burung bayan, tahu ia akan ilmu tabib! Maka harganya empat ribu dinar."

Maka oleh penunggu pintu itu dipersembahkan kepada raja. Maka titah raja, "Bawalah ia masuk."

Setelah sudah budak itu masuk, maka titah raja, "Hai kanak-kanak, hendak dijualkan burungmu itu? Berapa harganya?"

Maka sembah budak itu, "Empat ribu dinar, tuanku."

Maka titah raja seraya tersenyum, "Berapakah engkau katakan yang tiada layak? Bukan harganya demikian itu, unggas yang sekepal ini."

(Dipetik daripada 'Cerita Bayan Tiada Menurut Kata Ibu Bapanya', dalam antologi Anak laut, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah maksud rangkai kata *tahu ia akan ilmu tabib*.
[2 markah]
- (ii) Apakah alasan yang diberikan oleh bayan kepada budak itu untuk mengelakkan dirinya daripada dibunuh?
[3 markah]
- (iii) Andaikan raja bersetuju membeli bayan tua itu dengan harga empat ribu dinar seperti yang ditawarkan oleh budak tersebut, berikan pendapat anda bagi menyokong tindakan raja.
[3 markah]

**[Lihat halaman sebelah
SULIT]**

Soalan 2 (d) - Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

JALAN-JALAN RAYA KOTAKU

Saban waktu sepanjang perjalanan
jalan-jalan raya kotaku
lewat senja begini
tika gerimis menabur benih
menerima kehadiran warga kota
lemas dalam kesabaran
lelah meresahkan
dengan luka parah di hati.

Ketidaksabaran membengkak
kesombongan merajai setiap ruang
semakin padat dengan emosi
kebosanan menggigit pangkal rasa.

Demikian etika di perjalanan
budi luhur warga kotaku
tidak lagi berlaku
yang hadir adalah keserakahhan
memacu menghimpun kekuatan
menghakis sopan santun
seperti banjir kilat
melanda pinggir perjalanan
fitrah sang manusia
peradaban kota masa kini.

Jalan-jalan raya kotaku
adalah gelanggang kebuasan
perlumbaan kebiadaban
para pesakit
kemanusiaan semakin mandul
pada penghujung musim.

Zam Ismail

*Kasut Hitler, 1996.
Antologi Anak Laut
Dewan Bahasa dan Pustaka.*

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- (i) Nyatakan sikap pengguna jalan raya seperti dalam sajak di atas.
[3 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang boleh dilakukan untuk mengelakkan kesesakan jalan raya?
[3 markah]
- (iii) Huraikan tiga pengajaran yang terdapat dalam sajak tersebut.
[3 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan

(a) Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) dalam
- (ii) sedalam
- (iii) mendalami
- (iv) proses
- (v) memproses
- (vi) pemprosesan

[6 markah]

3(b) Cerakinkan setiap ayat majmuk di bawah ini supaya menjadi dua ayat tunggal.

- (i) Pengorbanan nenek moyang dan para pejuang bangsa hingga ke titisan darah terakhir patut kita kenang.
- (ii) Dia tidak dapat membina ayat kerana tidak memahami maksud perkataan tersebut.
- (iii) Penyair muda kita yang karyanya terpilih dalam majalah ini kurang membaca karya penulis mapan.

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

(c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Kerajaan mencadang untuk menguatkuasakan undang-undang yang tegas kepada pengguna-pengguna jalanraya yang gagal mematuhi peraturan lalu lintas.
- (ii) Setiap rakyat Malaysia hendaklah fasih bertutur dalam bahasa Melayu untuk menunjukkan percintaan mereka terhadap bahasa resmi negara.
- (iii) Matlamat sekolah mengadakan program gotong royong adalah untuk meningkatkan semangat kerjasama dan perpaduan dalam kalangan pelajar.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Deretan rumah-rumah kedai yang terletak di sisi jalan masuk ke kampung ini musnah akibat kejadian kebakaran pada petang semalam.
- (ii) Pemupukan budaya nasional telah kerajaan laksanakan secara berterusan dan bertingkat-tingkat sebagai satu strategi untuk memantapkan ekonomi negara.
- (iii) Galeri kraf tangan akan mengadakan mini bengkel untuk melahirkan pembina kraf tangan yang kreatif dan produktif.

[6 markah]

(e) Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan ayat tersebut.

- (i) Pada minggu lepas pekerja itu terlibat dalam kemalangan jalan raya yang hampir meragut nyawanya. Beberapa hari kemudian rumahnya pula terbakar.
- (ii) Pemuda itu bukan sahaja hairan malah kelihatan tercengang-cengang apabila tiba di bandar raya Kuala Lumpur.
- (iii) Masliza berasa keliru sama ada hendak memilih kerjaya sebagai seorang guru atau seorang pegawai polis kerana kedua-dua pekerjaan itu amat diminatinya.

[6 markah].

Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 4 : Novel**[15 markah]**

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Terminal Tiga karya Othman Puteh
- (ii) Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj. Yusof
- (iii) Di Hadapan Pulau karya A. Samad Said
- (vi) Bukit Kepong karya Ismail Johari
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- (vi) Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah
- (vii) Julia karya Abu Hassan Morad
- (viii) Putera Gunung Tahan karya Ishak Hj. Muhammad

- (a) Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari,uraikan perselisihan pendapat yang berlaku antara watak-watak dalam novel tersebut.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang telah anda kaji, jelaskan pengorbanan yang telah dilakukan oleh satu watak bagi setiap novel.

[8 markah]**KERTAS SOALAN TAMAT**



JABATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2010
BAHASA MELAYU
Kertas 2
Ogos**

1103/2

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

BAHASA MELAYU

Kertas 2

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Johor**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa juga bentuk penulisan dan percetakan.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 12 halaman bercetak

Markah penuh 110 markah

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- | | | |
|------------|---|-----------|
| (a) Isi | - | 20 markah |
| (b) Bahasa | - | 10 markah |

(a) **Isi** [20 markah]

Nota :

(i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata depan *di* dan *ke*
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

(ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120** perkataan sahaja sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

(iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12		16
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup/ Kesimpulan											2
Jumlah Markah											20

Soalan 1 : Rumusan

Pendahuluan	Markah
--------------------	---------------

Petikan membincangkan kaedah-kaedah ibu bapa berkomunikasi dengan anak-anak remaja.

2

Isi Tersurat (cara-cara ibu bapa berkomunikasi dengan anak-anak remaja)

- | | |
|--|---|
| 1. Ibu bapa berperanan sebagai sahabat kepada anak-anak. | 2 |
| 2. Ibu bapa hendaklah sentiasa memerhatikan perilaku dan gerak geri harian anak remajanya. | 2 |
| 3. Ibu bapa juga janganlah terlalu cerewet dalam mendidik anak-anak remaja. | 2 |
| 4. Ibu bapa perlulah sentiasa meningkatkan pengetahuan tentang kemodenan dunia dengan mendalami maklumat terkini yang bersesuaian. | 2 |
| 5. Ibu bapa perlulah mengambil berat berkenaan pendapat yang disuarakan oleh anak-anak remaja. | 2 |
| 6. Ibu bapa perlu menghormati minat atau hobi anak-anak remaja. | 2 |
| 7. Ibu bapa juga hendaklah memperuntukkan masa secukupnya untuk melayan anak-anak remaja mereka. | 2 |
| 8. Ibu bapa hendaklah memahami emosi anak-anak remaja yang kompleks. | 2 |

Isi Tersirat (kepentingan komunikasi terhadap anak-anak remaja)

- | | |
|--|---|
| 1. Anak-anak akan lebih berkeyakinan / bersemangat / berani dalam menghadapi cabaran hidup. | 2 |
| 2. Anak-anak akan lebih cemerlang dalam pelajaran / hidup / masa depan. | 2 |
| 3. Anak-anak akan bersikap terbuka / tidak berfikiran negatif / berfikiran positif. | 2 |
| 4. Anak-anak tidak mudah terpengaruh / terjebak / terjerumus dengan perkara-perkara negatif. | 2 |
| 5. Anak-anak akan lebih menyayangi / menghormati ibu bapa | 2 |
| 6. Anak-anak akan dapat membuat keputusan yang bijak / rasional. | 2 |

(Isi-isi tersirat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

Kesimpulan

- | | |
|---|---|
| 1. Kesimpulannya, ibu bapa hendaklah berusaha mewujudkan hubungan yang baik dengan anak-anak demi kesejahteraan anak-anak mereka. | 2 |
| 2. Kesimpulannya, ibu bapa hendaklah memupuk / mengamalkan ciri-ciri keluarga bahagia agar dapat melahirkan anak-anak yang cemerlang. | 2 |

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual yang berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 – 20	9 – 10	- Kesinambungan isi baik - Struktur ayat / tatabahasa baik
	15 – 17	7 – 9	- Kosa kata luas - Tanda bacaan / ejaan betul
Sederhana	12 – 14	6 – 7	- Kesinambungan isi masih baik - Struktur ayat / tatabahasa masih memuaskan
	8 – 11	4 – 6	- Kosa kata masih memuaskan - Tanda bacaan / ejaan juga Memuaskan
Lemah	1 – 7	1 – 4	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan

Nota :

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 perkataan, berikan 0 markah.
- (iv) Jika rumusan kurang daripada **120 perkataan**, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa maksimum : 10 markah]

Soalan 2

Markah penuh **35** dibahagikan kepada:

- Soalan 2(a) : **9** markah
- Soalan 2(b) : **9** markah
- Soalan 2(c) : **8** markah
- Soalan 2(d) : **9** markah

Perhatian bagi Soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna
3. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat / salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup / kurang lengkap tetapi ayat gramatis	1
- Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup / kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi kurang lengkap / kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

Soalan 2 (a) : Petikan Umum **Markah**

- (i) **Maksud**
- membantutkan / mengganggu usaha membentuk perkembangan / pertumbuhan personaliti diri / sifat diri yang sempurna 2
- [Maksimum : 2 markah]**
- (ii) **Kesan-kesan**
- berasa tidak dipercayai 1
 - membentuk perasaan rendah diri 1
 - mengakibatkan anak-anak remaja mudah hilang pertimbangan apabila berada di luar pemerhatian ibu bapa mereka 1
- [Maksimum : 3 markah]**
- (iii) **Peranan**
- menghormati ibu bapa / mematuhi / mentaati perintah ibu bapa supaya ibu bapa rasa dihormati 1
 - membantu ibu bapa membuat kerja-kerja rumah agar meringankan beban ibu bapa 1
 - mengekalkan hubungan baik dengan adik-beradik sentiasa mesra 1
 - berusaha untuk mencapai kejayaan dalam pelajaran untuk menggembirakan hati ibu bapa 1
 - mentaati suruhan agama agar menjadi anak yang soleh 1
 - sentiasa bersama-sama keluarga semasa waktu lapang supaya hubungan kekeluargaan semakin erat 1
 - memastikan keadaan rumah sentiasa bersih dan ceria untuk keselesaan ahli keluarga 1
- [Maksimum : 4 markah]**

Soalan 2 (b) : Petikan cerpen

- (i) **Sebab-sebab**
- tidak mahu meninggalkan tempat kelahirannya / hutan 1
 - perkara terbaik untuknya ialah di hutan 1
 - jiwynya sudah terikat dengan hutan 1
 - Daneng mendambakan kehidupannya di hutan 1
- [Maksimum : 3 markah]**
- (ii) **Tindakan**
- tidak berputus asa untuk terus memujuk Daneng 1
 - memujuk ibu / bapa Daneng agar menasihatinya 1
 - meminta bantuan ketua kampung / Tok Batin / kaunselor / pengetua / PIBG untuk memujuk Daneng 1
 - menawarkan pelbagai bantuan persekolahan untuk Daneng 1
- [Maksimum : 3 markah]**

(iii) latar masyarakat dalam petikan

- masyarakat yang prihatin, buktinya Cikgu Jo amat mengambil berat tentang kehidupan Daneng dan masa depannya / memujuk Daneng agar kembali ke sekolah 1
- masyarakat yang tinggal di desa / pedalaman, buktinya Daneng dan nenek moyangnya sudah sebatas dengan kehidupan di dalam hutan. 1

latar masyarakat dalam cerpen

- Masyarakat yang suka berbudi dan baik hati, buktinya ibu Daneng membekalkan petai kepada Cikgu Jo untuk dibawa pulang. 1
- Masyarakat yang bijak, contohnya Daneng berjaya dalam pelajaran dan dianugerahi gelaran Datuk 1
- Masyarakat yang bertanggungjawab, contohnya cikgu Jo sanggup pergi ke kampung Daneng di dalam hutan untuk memujuknya supaya bersekolah 1
- Masyarakat yang masih mempercayai pantang larang, contohnya Daneng melarang cikgu Jo bercakap bukan-bukan semasa memancing. 1
- Masyarakat yang mementingkan pendidikan, contohnya cikgu Jo tidak berputus asa memujuk Daneng agar bersekolah semula. 1

[Maksimum : 3 markah]**Soalan 2 (c) : Petikan prosa klasik**

(i) Maksud

- Bayan berpengetahuan / cekap / pandai / bijak / berkemahiran dalam hal perubatan / cara mengubati penyakit 2

[Maksimum : 2 markah]

(ii) Alasan bayan

- jika dimakan, budak itu tidak kenyang kerana badannya hanya sekepal 1
- jika dijual dengan harga dua ribu dinar, dapat digunakan sampai ke anak cucu 1
- suruh dijual kepada raja kerana bayan berupaya mengubati penyakit sopak raja 1

[Maksimum : 3 markah]

(iii) Pendapat

- bayan dapat dijadikan penghibur 1
- kepandaianya boleh digunakan untuk rakyat 1
- Raja berkemampuan membayar harga sebanyak itu 1
- dapat dijadikan haiwan peliharaan 1

[Maksimum : 3 markah]**Soalan 2 (d) : Sajak**

(i) Sikap

- tidak sabar 1
- sombang 1
- mengikut emosi 1
- tidak bersopan santun 1
- biadab 1
- serakah 1

[Maksimum : 3 markah]

(ii) langkah-langkah

- mengadakan pemantauan / kerap menjalankan operasi 1
- kempen menggunakan pengangkutan awam 1
- menempatkan lebih ramai polis trafik terutama pada waktu puncak. 1
- mengenakan hukuman yang maksimum / berat kepada pesalah 1
- melarang kenderaan berat masuk ke kota / bandar mengikut zon waktu 1

[Maksimum : 3 markah]

(iii) Pengajaran

- Kita hendaklah bersikap sabar ketika berada di jalan raya 1
- Kita haruslah bersopan santun di jalan raya 1
- Kita mestilah mengelakkan diri daripada bersikap sombang 1
- Kita hendaklah mematuhi peraturan jalan raya 1
- Kita hendaklah mengamalkan sikap berperikemanusiaan semasa berada di jalan raya 1

[Maksimum : 3 markah]

Peraturan Pemarkahan

Soalan 3

Marlah penuh 30 markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a) : 6 markah

Soalan 3(b) : 6 markah

Soalan 3(c) : 6 markah

Soalan 3(d) : 6 markah

Soalan 3(e) : 6 markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikah markah penuh 1 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan markah penuh 1 markah.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah.
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan, berikan 0 markah.

3 (a)

(i) *dalam*

- jarak, jauh ke bawah atau ke dasar dari permukaan / tidak cetek, bukan sedikit, tidak sempit, lebih daripada sekadar yang perlu, mengandungi makna yang tidak mudah, bahagian atau ruang, yang berkaitan dengan atau terbatas pada lingkungan sesuatu, yang tidak nampak atau ketara dari luar

(ii) *sedalam*

- mencapai dalam atau sehingga dalamnya

(iii) *mendalami*

- berusaha untuk mengetahui (sesuatu) dengan lebih luas dan terperinci dengan mempelajari dengan teliti dan terperinci, menjadikan lebih sempurna atau terperinci

(iv) *proses*

- satu siri perubahan yang berlaku secara semula jadi, satu siri tindakan yang dilakukan untuk membuat, menghasilkan, atau mencapai sesuatu kaedah teknik operasi yang digunakan dalam industri, untuk membuat sesuatu pembicaraan dalam mahkamah

- (v) memproses
 - mengambil tindakan tertentu terhadap sesuatu mengikut prosedur yang ditetapkan, mengolah bahan mentah menjadi barang siap

(v) pemprosesan

 - perbuatan (usaha, kerja) memproses

[Maksimum : 6 markah]

3 (b) Cerakin ayat

- (i) Pengorbanan nenek moyang hingga ke titisan darah terakhir patut kita kenang.

Pengorbanan para pejuang bangsa hingga ke titisan darah terakhir patut kita kenang.

- (ii) Dia tidak dapat membina ayat.

Dia tidak memahami maksud perkataan tersebut.

- (iii) Penyair muda kita kurang membaca karya penulis mapan.

Karyanya terpilih dalam majalah ini.

[Maksimum : 6 markah]

- | | | |
|----------|---------------|-----------------|
| 3(c) (i) | mencadang | - mencadangkan |
| | jalanraya | - jalan raya |
| (ii) | percintaan | - kecintaan |
| | resmi | - rasmi |
| (iii) | gotong royong | - gotong-royong |
| | meningkat | - meningkatkan |

[Maksimum : 6 markah]

- | | | |
|----------|--|--|
| 3(d) (i) | deretan rumah-rumah di sisi jalan | - deretan rumah
- di pinggir / di tepi jalan |
| (ii) | telah kerajaan laksanakan bertingkat-tingkat | - telah dilaksanakan oleh kerajaan
- berperingkat-peringkat |
| (iii) | mini bengkel pembina | - bengkel mini
- pengusaha |

4 (a) Perselisihan pendapat

Novel Di Hadapan Pulau.

1. Perselisihan pendapat antara Syed Fikri dengan Syed Zuhri tentang kejujuran dalam perniagaan.
2. Perselisihan pendapat antara penduduk kampung tentang Pulau Jakun
3. Perselisihan pendapat antara Taksiah dengan Wan Rohani dan Raihan tentang kematian Tuk Marzuki di dalam shelter kerana terkena bom.

Novel Putera Gunung Tahan

1. Perselisihan pendapat antara Tuan Robert dengan Perempuan Tuan tentang agama Islam dan agama Kristian.
2. Perselisihan pendapat antara Tuan William dengan Ratu Bongsu tentang bangsa Melayu dan bangsa Inggeris.

4 (b) Pengorbanan watak

Novel Di Hadapan Pulau.

1. Pengorbanan datuk terhadap cucunya
Contoh- Tuk Marzuki sanggup berkorban menjaga cucunya iaitu Afidah setelah ibu bapanya bercerai.
2. Pengorbanan isteri terhadap suami
Contoh – Joyah sanggup bekerja untuk menyara keluarganya kerana suaminya tidak bertanggungjawab, kaki judi dan kaki botol.
3. Pengorbanan sahabat terhadap sahabatnya
Contoh – Aziz sanggup menemani Afidah yang dalam kesedihan setelah kematian datuknya, Tuk Marzuki.

Novel Putera Gunung Tahan

1. Pengorbanan pahlawan Melayu terhadap tanah air
Contoh - Dato' Bahaman, Tuk Janggut, Tok Gajah dan Mat Kilau sanggup mempertahankan tanah air mereka daripada dijajah oleh Inggeris.
2. Pengorbanan Ratu Bongsu terhadap Puncak Gunung Tahan
Contoh – Ratu Bongsu enggan menyerahkan puncak Gunung Tahan kepada Inggeris walaupun ditawarkan harta dan pangkat.
3. Pengorbanan ibu terhadap anaknya
Contoh – Perempuan tua sanggup menghantar anaknya ke puncak Gunung Tahan untuk mempelajari ilmu ghaib dan ilmu batin

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT